

30/11/1999

BN dapat lebih dua pertiga (HL)

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) sekali lagi mengekalkan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat apabila memenangi 149 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum ke-10, awal pagi ini.

Bagaimanapun, Pas menguasai dua negeri iaitu Kelantan dan Terengganu serta mengukuhkan kedudukannya di Dewan Rakyat, apabila memenangi 25 kerusi Parlimen setakat 3.30 pagi, berbanding tujuh kerusi pada 1995.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan kerusinya di Kubang Pasu, menewaskan calon Pas, Subky Latiff dengan majoriti 10,138 undi, manakala timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menang di Kepala Batas dengan majoriti 11,175 undi.

DAP, walaupun dapat mempertahankan kedudukannya dengan memenangi lapan daripada 47 kerusi Parlimen setakat ini, kehilangan tiga tokohnya - Setiausaha Agung, Lim Kit Siang; Pengerusi, Dr Chen Man Hin dan Timbalan Pengerusi, Karpal Singh.

Lim dan Karpal tewas di kerusi Parlimen dan DUN di Pulau Pinang, manakala Chen kalah di kerusi Parlimen dan DUN di Negeri Sembilan. DAP hanya menang satu kerusi DUN di Pulau Pinang.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang bertanding di 59 kerusi Parlimen hanya menang lima kerusi setakat jam 3 pagi ini. Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail menang di Permatang Pauh, menewaskan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ibrahim Saad dengan majoriti 9,077 undi.

Pada sidang akhbar di Bilik Gerakan BN di sini pagi ini, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada pengundi kerana sekali lagi memberi kepercayaan kepada BN.

Sambil menyatakan Kabinet baru akan dibentuk setelah dikaji keputusan rasmi mengenai siapa yang menang dan kalah, beliau menegaskan BN akan memenuhi segala janji dalam manifestonya serta terus berusaha membangunkan negara dan menebus maruah bangsa.

Dr Mahathir juga menyifatkan kekalahan BN di Terengganu dan kegagalan merampas Kelantan daripada Pas sebagai proses demokrasi "di mana ada kemenangan, di situ ada kekalahan".

Turut mengejutkan kali ini ialah kekalahan beberapa menteri iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed; dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Keputusan di luar dugaan berlaku di Terengganu apabila Pas memenangi 18 daripada 32 kerusi DUN, yang membolehkan parti itu membentuk kerajaan negeri dengan majoriti dua pertiga.

Kebanyakan pemimpin kanan BN Terengganu tewas termasuk Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, yang menerajui kerajaan negeri sejak 25 tahun lalu, tewas.

BN berjaya membentuk kerajaan di Selangor, Johor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Sabah dan Sarawak menyumbang 45 daripada 48 kerusi Parlimen. Di Sarawak, BN memenangi semua 28 kerusi Parlimen, manakala Sabah memenangi 17 daripada 20 kerusi.

Selain menubuhkan kerajaan negeri di Kelantan dan Terengganu, Pas memenangi lebih banyak kerusi DUN di Kedah dan Perlis.

Setakat jam 3.30 pagi ini, BN menyapu bersih semua 28 kerusi Parlimen di Sarawak; semua 32 kerusi DUN di Negeri Sembilan dan menambah lima lagi

kerusi Parlimen di Sabah, menjadikan 17.

Parti Bersatu Sabah (PBS) hanya memenangi tiga kerusi Parlimen berbanding lapan sebelum ini.

Di Johor, BN menubuhkan kerajaan negeri selepas memperoleh kemenangan dua pertiga menerusi 31 daripada 40 kerusi DUN manakala BN memperoleh kemenangan di 15 daripada 20 kerusi Parlimen.

Di Melaka, BN menguasai 17 daripada 25 kerusi DUN sehingga jam 11.30 malam tadi. Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang disebut-sebut bakal menjadi Ketua Menteri, menang kerusi DUN Paya Rumpit menewaskan calon DAP, Loh Ah Boo.

BN memulakan cabaran kali ini dengan menang satu kerusi DUN iaitu Tangkak di Johor dan kerusi Parlimen Betong di Sarawak pada hari penamaan calon, 20 November lalu.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin mengekalkan kerusi Parlimen Merbok, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Datuk Seri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar).

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula mempertahankan kerusi Parlimen Labis; Presiden MIC, Datuk seri Samy Vellu (Sungai Siput) dan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Amar Leo Moggie di Tadong.

Turut menang ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud (Kota Samarahan); Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam (Papar); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar di DUN Permatang; dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid (DUN Kuah).

(END)